

Kelulusan Senat, Majlis Pengajian Siswazah Universiti dan Jawatankuasa Penyelarasan Pengajian Siswazah pada Tahun 2009

berkaitan perkara Akademik dan

Pengurusan Pengajian Siswazah, USM

Pengambilan | Kemasukan | Pemeriksaan T
Viva Voce | Kaedah Alternatif | Pelantikan
Pemantauan | Pemilihan | Dasar Syarat |
Pengambilan | Kemasukan | Pemeriksaan T
Viva Voce | Kaedah Alternatif | Pelantikan
Pemantauan | Pemilihan | Dasar Syarat |



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES

Senat ke-196 pada 16 April 2009

Min. 2627[D][i] - Laporan Jawatankuasa Mengkaji Kesetaraan Gred Institusi Luar Negara [International Credential Guide]

Senat mengambil perhatian bahawa Jawatankuasa Penyelarasan Pengajian Siswazah (JPPS) pada 18 Disember 2007 telah menubuhkan jawatankuasa bagi mengkaji kesetaraan gred institusi luar negara yang dipengerusikan oleh Profesor Boey Peng Lim dari Pusat Pengajian Sains Kimia.

Jawatankuasa Mengkaji Kesetaraan Gred Institusi Luar Negara telah mencadangkan *International Credential Guideline (ICG)* yang telah dibentangkan buat kali pertama untuk maklum balas Mesyuarat Khas JPPS pada 18 September 2008. Berdasarkan maklum balas JPPS yang mencadangkan supaya jawatankuasa meneliti sampel kelayakan masuk calon sedia ada, cadangan tersebut telah dibentangkan untuk kali kedua semasa mesyuarat JPPS pada 11 Februari 2009.

MPSU telah memperakarkan laporan Jawatankuasa dan meminta supaya ia dibentangkan untuk kelulusan Senat terlebih dahulu sebelum diguna pakai sebagai panduan kepada Pusat Pengajian/Pusat menilai kelayakan masuk calon ke program pengajian siswazah.

Setelah berbincang panjang, Senat bersetuju meluluskan ICG sebagai garis panduan kepada Pusat Pengajian/Pusat untuk menilai kelayakan masuk calon-calon luar negara ke program siswazah. Walau bagaimanapun, Pusat Pengajian/Pusat boleh menggunakan tahap yang lebih tinggi mengikut keperluan program masing-masing.

ICG ini sebagai garis panduan [*internal document*] sahaja dan bukan untuk edaran umum khususnya kepada pelajar.



Pengambilan

2

Senat ke-197 pada 18 Jun 2009

Min. 2641[A][i] - Garis Panduan Syarat Kemasukan

Syarat Kemasukan Terkini: Kuat Kuasa 15 Ogos

Peringkat Pengajian	Kelulusan	PNGK	Syarat Minimum Kemasukan
Sarjana	Sarjana Muda	>2.75	Tertakluk kepada syarat tambahan daripada PTJ
		2.5 -2.74	<ol style="list-style-type: none">1. Pengalaman Penyelidikan - 1 tahun atau2. Pengalaman Ikhtisas dalam bidang berkenaan - 1 tahun atau3. 2 penerbitan ilmiah (jurnal bukan prosiding) dalam bidang yang dipohon; atau4. Gred B untuk kursus-kursus major/elektif atau5. Gred B+ dalam projek tahun akhir.
		2.00 -2.49	<ol style="list-style-type: none">a.1. Pengalaman Penyelidikan - 5 tahun atau2. Pengalaman Ikhtisas dalam bidang berkenaan - 5 tahun; danb.1. Sekurang-kurangnya 2 penerbitan ilmiah (jurnal bukan prosiding) dalam bidang yang dipohon; atau2. Gred B+ untuk kursus-kursus major/elektif; atau3. Gred A- dalam projek tahun akhir. <p>Syarat Tambahan oleh PTJ jika perlu.</p>
Doktor Falsafah	Sarjana (Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran)	> 3.00	-
		2.75-2.99	<ol style="list-style-type: none">1. Pengalaman Penyelidikan - 5 tahun atau2. Pengalaman Ikhtisas dalam bidang berkenaan - 5 tahun atau3. 2 penerbitan ilmiah (jurnal bukan prosiding) dalam bidang yang dipohon; atau4. Gred B untuk kursus-kursus major/elektif atau5. Gred B+ dalam projek tahun akhir.
		2.5 - 2.74	<ol style="list-style-type: none">a. 1. Pengalaman Penyelidikan - 5 tahun atau2. Pengalaman Ikhtisas dalam bidang berkenaan - 5 tahun; danb. 1. 2 penerbitan ilmiah (jurnal bukan prosiding) dalam bidang yang dipohon atau2. Gred A- untuk kursus-kursus major/elektif pada peringkat Sarjana atau3. Gred A dalam projek/ disertasi pada peringkat Sarjana bagi Mod Kerja Kursus atau Campuran (50% kerja kursus dan 50% penyelidikan). Bagi Mod Campuran (30% kerja kursus dan 70% penyelidikan) syarat ini dikecualikan. <p>Syarat Tambahan oleh PTJ jika perlu.</p>

Nota:

Bagi permohonan di luar daripada syarat yang telah diluluskan oleh Senat, ianya perlu mendapat kelulusan MPSU.

Senat Ke-199 15 Oktober 2009

Min. 2774[iii]-Syarat Bahasa Inggeris Sebagai Syarat Kemasukan Bagi Pelajar Luar Negara

Salah satu tahap kelulusan Bahasa Inggeris sebagai syarat kemasukan untuk calon luar negara sekiranya Pusat Pengajian/Pusat hendak menjadikannya sebagai syarat kemasukan bagi program pengajian siswazah seperti berikut:

TOEFL skor minimum 550	Senat ke-161, 18 Disember 2002
IELTS skor minimum Band 6	Senat ke-161, 18 Disember 2002
MUET skor minimum Band 4	Senat ke-161, 18 Disember 2002
Bahasa ibunda pemohon ialah Bahasa Inggeris atau Bahasa Kebangsaan.	Senat ke-199, 15 Oktober 2009
Pemohon berkelulusan dari institusi pengajian tinggi yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris.	Senat ke-199, 15 Oktober 2009
Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh British Council. Tahap kelulusan dan kursus yang relevan perlu dikenal pasti dan perlu diperakukuan oleh Majlis Pengajian Siswazah Universiti terlebih dahulu.	Senat ke-199, 15 Oktober 2009
Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan. Tahap kelulusan dan kursus yang relevan perlu diperakukuan oleh Majlis Pengajian Siswazah Universiti terlebih dahulu.	Senat ke-199, 15 Oktober 2009
Kursus Bahasa Inggeris dari IPTA/IPTS terpilih. Tahap kelulusan dan kursus yang relevan perlu dikenal pasti dan diperakukuan oleh Majlis Pengajian Siswazah Universiti terlebih dahulu.	Senat ke-199, 15 Oktober 2009

Nota: Dengan ini, pihak IPS akan:

1. Menjanakan satu senarai nama universiti antarabangsa yang menawarkan program sarjana muda dan sarjana dalam bahasa Inggeris
2. Menjanakan senarai negara-negara yang bahasa ibunda adalah bahasa Inggeris
3. Memproses semua permohonan dan kerjasama PTJ dipohon untuk mempertimbangkan permohonan yang tidak memenuhi syarat bahasa Inggeris dan memberi tawaran bersyarat bagi pemohon yang memenuhi kelulusan akademik yang baik atau memenuhi syarat kemasukan yang lain.

Senat Ke-196 Senat pada 16 April 2009

Min. 2627[E][i] - Pemurnian Proses Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Viva Voce

- [a] Perakuan Pemeriksaan Tesis

Perakuan Recommendation

Lulus

Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti di dalam laporan Panel Pemeriksa.

Pass

The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/Masters Degree subject to changes/ corrections to the thesis as listed in the Panel of Examiners' report.

Penilaian Semula

Calon dibenar menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat perubahan/pembetulan kepada tesis seperti dalam laporan Panel

Pemeriksa. Tesis **perlu** diperiksa semula dan calon **perlu** menghadiri viva voce semula.

Reexamination

*The candidate is allowed to resubmit the thesis for reexamination after the candidate has made changes/corrections to the thesis as listed in the Panel of Examiners report. The thesis **must** be reexamined and the candidate **must** attend another viva voce.*

* Jika calon tidak diminta menghadiri viva voce semula, calon masih perlu bersedia semasa mesyuarat penilaian semula tesis diadakan untuk memberikan penjelasan lanjut sekiranya diperlukan.

Gagal

Calon tidak layak dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana dan juga tidak dibenar untuk menyerah semula tesis.

Fail

The candidate is not awarded a Doctor of Philosophy /Masters Degree and is not allowed to resubmit his/her thesis.

[b] Garis Panduan Kepada Pemeriksa

Perakuan	Garis Panduan untuk Perakuan
Lulus	<p>Calon dianugerahi Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti di dalam laporan Panel Pemeriksa.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tidak ada pembetulan/masalah; ii) Memerlukan suntingan teks, format jadual, format rajah, tatabahasa, ejaan, pembetulan kesilapan menaip dll; iii) Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan; iv) Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian yang kecil dalam teks; v) TIDAK MEMERLUKAN kerja ujikaji tambahan, pengumpulan data yang baru atau penulisan semula yang banyak; dan vi) Tidak akan banyak berubah pada rumusan apabila ditulis semula.
Penilaian Semula	<p>Calon dibenar menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat perubahan/pembetulan kepada tesis seperti dalam laporan Panel Pemeriksa. Tesis perlu diperiksa semula dan calon perlu menghadiri viva voce semula.</p> <p>Pemeriksaan semula perlu dibuat oleh semua pemeriksa asal. Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah 1 tahun.</p> <p>Perakuan ini hanya boleh dibuat dua kali sahaja. Ini bererti calon boleh menyerah tesis sebanyak 3 kali. Perakuan ini tidak boleh dibuat untuk sesi viva voce ketiga.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas rumusan dalam tesis; ii) Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat bagi menambahbaik tesis untuk diserah semula; iii) Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan perkembangan tinjauan bacaan.
Gagal	<p>Calon tidak layak dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana dan juga tidak dibenar untuk menyerah semula tesis.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembetulan tidak dapat meningkatkan tahap tesis ini kepada piawaian yang ditetapkan; atau ii) Mempunyai kelemahan yang tidak dapat diperbaiki; atau iii) Mempunyai kajian yang tidak mencukupi; atau iv) Mempunyai kerja atau teks yang diplagiat.

[c] Garis Panduan Kepada Panel Pemeriksa Tesis untuk membuat Perakuan Selepas viva voce

Perakuan	Garis Panduan untuk Perakuan
Lulus	<p>Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti di dalam laporan Panel Pemeriksa. Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah selama 1 tahun.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tidak ada pembetulan/masalah; ii) Memerlukan suntingan teks, format jadual, format rajah, tata bahasa, ejaan dan pembetulan kesilapan menaip. iii) Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan; iv) Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian yang kecil dalam teks; v) TIDAK MEMERLUKAN kerja ujikaji tambahan, pengumpulan data yang baru atau penulisan semula yang banyak; vi) Tidak akan banyak berubah pada rumusan apabila ditulis semula.
Penilaian Semula	<p>Calon dibenar menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat perubahan/pembetulan kepada tesis seperti dalam laporan Panel Pemeriksa. Tesis perlu diperiksa semula dan calon perlu menghadiri viva voce semula.</p> <p>Pemeriksaan semula perlu dibuat oleh semua pemeriksa asal. Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah selama 1 tahun. Perakuan ini hanya boleh dibuat dua kali sahaja. Ini bererti calon boleh menyerah tesis sebanyak 3 kali. Perakuan ini tidak boleh dibuat untuk sesi viva voce ketiga.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas rumusan dalam tesis; ii) Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat untuk menambahbaikan tesis untuk diserah semula; iii) Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis, perkembangan tinjauan bacaan.
Gagal	<p>Calon tidak layak dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana dan juga tidak dibenar untuk menyerah semula tesis.</p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembetulan tidak dapat meningkatkan tahap tesis ini kepada piawaian yang ditetapkan; ii) Kelemahan tidak dapat diperbaiki; iii) Kajian tidak mencukupi; iv) Kerja atau teks dalam tesis terplagiat.

Senat Ke-223 Senat pada 24 Oktober 2013
Min. 2948[C][i] – Cadangan dan Tambahan Maklumat bagi Pemurnian Proses
Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Viva Voce

Perakuan baharu pemeriksaan tesis ini berkuatkuasa pada penyerahan tesis pelajar mulai 1 Januari 2014.

a] Perakuan Pemeriksaan Tesis

Skala Keputusan Results Scale	Perakuan Pemeriksaan Tesis Recommendations upon Examination of Thesis
SKALA 1 SCALE 1	<p>Lulus Pass Calon dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree</i></p>
SKALA 2 SCALE 2	<p>Lulus dengan Pembetulan Minor Pass with Minor Corrections Calon dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti yang dinyatakan dalam Laporan Panel Pemeriksa. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree subject to changes/ corrections to the thesis as listed in the Panel of Examiners Report.</i></p>
SKALA 3 SCALE 3	<p>Lulus dengan Pembetulan Major Pass with Major Changes/Corrections Calon dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti yang dinyatakan dalam Laporan Panel Pemeriksa. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree subject to changes/ corrections to the thesis as listed in the Panel of Examiners Report.</i></p> <p>Tesis PERLU disemak dan disahkan oleh Panel Pemeriksa selepas calon membuat pindaan/pembetulan. <i>The thesis MUST be revised and verified by the Panel of Examiners after the candidate has made the changes/corrections</i></p>
SKALA 4 SCALE 4	<p>Penilaian Semula Re-examination Calon dibenarkan menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat perubahan/pembetulan kepada tesis seperti dikehendaki dalam laporan Panel Pemeriksa. Tesis PERLU diperiksa semula dan calon PERLU menghadiri viva semula. <i>The candidate is allowed to re-submit the thesis for re-examination after the candidate has made changes/corrections to the thesis as required in the Panel of Examiners Report. The thesis MUST be re-examined and the candidate MUST attend another viva voce.</i></p>
SKALA 5 SCALE 5	<p>Gagal Fail Calon tidak layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana dan juga tidak dibenarkan untuk menyerahkan semula tesis. <i>The candidate is not eligible to be awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree and is not allowed to re-submit the thesis for examination.</i></p>

[b] Garis Panduan Kepada Pemeriksa

Perakuan <i>Recommendation</i>	Garis panduan untuk Perakuan <i>Guidelines for Recommendation</i>
Skala 1 : Lulus Scale 1 : Pass	<p>Calon dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree.</i></p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis: <i>These recommendations are made if the thesis:</i></p> <p>Tidak memerlukan pembetulan <i>Does not require corrections</i></p> <p>atau <i>or</i></p> <p>Terdapat pindaan/ pembetulan kepada tesisnya seperti yang dinyatakan dalam Laporan Panel Pemeriksa <i>Has amendments/corrections in the thesis as stated in the Panel of Examiners Report;</i></p> <p>Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual, format rajah, tata bahasa, ejaan, pembetulan kesilapan menaip dll. <i>Requires some editing of text, formatting of tables and, diagrams, correction of grammar, spelling, and other typographical conventions, etc.</i></p> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Penyelia Utama <i>The confirmation of corrections for the thesis has to be made by the Main Supervisor.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah tiga (3) bulan. Wala bagaimanapun, Jemaah Pemeriksaan Tesis boleh menentukan jangka masa maksimum yang bersesuaian dengan tahap pembetulan tesis calon dengan tidak melebihi satu (1) tahun. The maximum time frame for corrections is three (3) months However, the Thesis Examination Board can determine the maximum period to commensurate with the number of corrections required for the thesis of not more than one (1) year.</p>
Skala 2: Lulus dengan pembetulan minor Scale 2 : Pass with Minor Corrections	<p>Lulus dengan Pembetulan Minor Pass with Minor Corrections</p> <p>Calon dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti yang dinyatakan dalam Laporan Panel Pemeriksa. <i>The candidate is awarded the degree of Doctor of Philosophy/Master's, subject to amendments/corrections to the thesis as specified in the Panel of Examiners Report.</i></p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis: <i>These recommendations are made if the thesis:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual, format rajah, tata bahasa, ejaan, pembetulan kesilapan menaip dll; <i>Requires minor editing of text editing, formatting of tables and diagrams, correction of grammar, spelling, and typographical conventions, etc;</i> ii) Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan; <i>Requires only a modicum of additional information;</i> iii) Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian yang kecil dalam teks; <i>Requires only an explanation regarding a number of small parts in the text;</i>

	<p>iv) TIDAK MEMERLUKAN kerja ujikaji tambahan, pengumpulan data yang baru atau penulisan semula yang banyak; dan DOES NOT REQUIRE supplementary experimental work, the collection of new data or major re-writing; and</p> <p>v) Tidak banyak berubah pada rumusan apabila ditulis semula. <i>Does not contain many changes in the summing up/conclusion that has been rewritten.</i></p> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Pemeriksa Dalam dan Penyelia Utama. <i>The confirmation of the veracity of the corrections has to be made by the internal examiner and the Main Supervisor.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah enam (6) bulan. Walau bagaimanapun, Jemaah Pemeriksaan Tesis boleh menentukan jangka masa maksimum yang bersesuaian dengan tahap pembetulan tesis calon dengan tidak melebihi satu (1) tahun. The maximum duration allowed for making corrections is six (6) months. However, the Thesis Examination Board can determine the maximum period commensurate with the number of corrections required for the thesis of not more than one (1) year.</p>
Perakuan Recommendation	Garis panduan untuk Perakuan Guidelines for Recommendation
Skala 3: Lulus dengan pembetulan major Scale 3: Pass with Major Corrections	<p>Lulus dengan Pembetulan Major Pass with Major Corrections</p> <p>Calon dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah/Sarjana tertakluk kepada pindaan/pembetulan kepada tesisnya seperti yang dinyatakan dalam Laporan Panel Pemeriksa. <i>The candidate is awarded the degree of Doctor of Philosophy/Master's subject to amendments/corrections to the thesis as specified in the Panel of Examiners Report.</i></p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis: These recommendations are made if the thesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memerlukan banyak suntingan teks, format jadual, format rajah tata bahasa, ejaan, pembetulan kesilapan menaip dll; <i>Requires major editing of text, formatting of tables and diagrams, correction of grammar, spelling, and typographical conventions, etc.;</i> ii) Memerlukan maklumat tambahan; <i>Requires additional information;</i> iii) Memerlukan analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan pengembangan tinjauan bacaan. <i>Requires supplementary statistical analysis, rewriting of major parts of the thesis and the expansion of the literature review.</i> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Panel Pemeriksa (Pemeriksa Luar atau Pemeriksa Dalam atau kedua-duanya) serta Penyelia.Utama <i>The confirmation of the veracity of the corrections has to be made by the Panel of Examiners (External Examiner or Examiner or both) and the Main Supervisor.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah sembilan (9) bulan. Walau bagaimanapun, Jemaah Pemeriksaan Tesis boleh menentukan jangka masa maksimum yang bersesuaian dengan tahap pembetulan tesis calon dengan tidak melebihi satu (1) tahun. The maximum duration allowed for making corrections is nine (9) months. However, the Thesis Examination Board can determine the maximum period commensurate with the number of corrections required for the thesis of not more than one (1) year.</p>
Skala 4: Penilaian Semula Scale 4: Re-evaluation	Calon dibenarkan menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat perubahan/pembetulan kepada tesis seperti dalam laporan Panel Pemeriksa. Tesis perlu diperiksa semula dan calon juga perlu menghadiri viva voce semula. <i>The candidate is allowed to submit the thesis for re-examination after he or she has made the changes/corrections to the thesis as stated in the Panel of Examiners Report.</i>

	<p>Perakuan ini dibuat jika tesis: These recommendations are made if the thesis :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas rumusan tesis; <i>Has major weaknesses which will have a negative impact on the conclusions made in the thesis;</i> ii) Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat bagi menambah baik tesis untuk diserah semula; <i>Has major weaknesses that can only be corrected if additional work is done to improve the quality of the thesis before submission;</i> iii) Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis, pengembangan tinjauan bacaan. <i>Requires supplementary experimental work, supplementary statistical analysis, rewriting of a major part of the thesis; expansion of the literature review.</i> <p>[Perakuan ini hanya boleh dibuat sekali (1) sahaja]. Ini bererti calon boleh menyerah tesis sebanyak dua (2) kali sahaja dan Jemaah Pemeriksa akan memberi perakuan Lulus/Gagal selepas viva-voce penilaian semula. [This recommendation can be made once (1) only]. This means that a candidate may submit the thesis twice (2) only and members of the Board of Examiners will recommend 'pass' or 'fail' only after the viva-voce re-evaluation.</p> <p>Pemeriksaan semula perlu dibuat oleh semua pemeriksa asal. <i>The re-evaluation/re-examination has to be made by all the original examiners.</i></p> <p>Pengerusi yang sama seboleh-bolehnya mempengerusikan viva-voce penilaian semula dan panel Pemeriksa Tesis perlulah dihadiri oleh panel yang sama. <i>As far as possible, the same Chairperson may chair the viva voce re-evaluation and the Thesis Examination Panel should be composed of the same members as the first panel.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah satu (1) tahun. <u>The maximum duration for the corrections is one (1) year.</u></p>
Perakuan Recommendation	Garis panduan untuk Perakuan Guidelines for Recommendation
Skala 5 : Gagal Scale 5 : Fail	<p>Calon tidak layak dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah/Sarjana dan juga tidak dibenarkan untuk menyerah semula tesis. <i>The candidate is not eligible to be awarded a Doctor of Philosophy/Master's Degree and is not allowed to resubmit the thesis for examination.</i></p> <p>Perakuan ini dibuat jika tesis: These recommendations are made if the thesis:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembetulan tidak dapat meningkatkan tahap tesis ini kepada piawaian yang ditetapkan; atau <i>Has obvious major weaknesses that additional work or corrections cannot address and hence the quality of the thesis cannot be increased to the level of set standards/requirement; or</i> ii) Mempunyai kelemahan yang tidak dapat diperbaiki; atau <i>Has weaknesses that could not be remedied; or</i> iii) Mempunyai kajian yang tidak mencukupi. <i>The research carried out was inadequate/insufficient.</i>

[d] Garis Panduan Proses Viva Voce Untuk Pengerusi Panel

1. Pengerusi membuka sesi viva voce dengan menjemput semua ahli panel untuk memberi komen-komen umum tentang calon dan tesis yang telah diserahkan.
2. Pemeriksa membenarkan calon untuk masuk ke bilik viva voce /peperiksaan.
3. Pengerusi menjemput calon untuk memberi ringkasan objektif kajian dan dapatan kajian. Calon dibenarkan menggunakan persembahan Power Point/Multimedia.
4. Pengerusi membuka sesi kepada ahli-ahli terutama kepada Pemeriksa Luar (jika hadir). Jika Pemeriksa Luar tidak dijemput hadir, soalan-soalan akan dikemukakan oleh Dekan/Wakil berdasarkan Laporan Pemeriksa Luar diikuti oleh Pemeriksa Dalam.
5. Semasa sesi soal jawab antara Pemeriksa (Luar dan Dalam):-
 - Calon perlu mempertahankan sebaik-baiknya apa yang dicatatkan dalam tesis;
 - Penyelia Utama/Penyelia Bersama tidak boleh membantu calon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, kecuali menjelaskan kepada calon maksud soalan-soalan yang dikemukakan sekiranya calon kurang jelas.
6. Selepas Pengerusi berpuas hati bahawa semua persoalan daripada pemeriksa telah dikemukakan dan dijawab oleh calon, Pengerusi perlu meminta calon keluar seketika bagi membolehkan perbincangan dan keputusan viva voce dibuat.
7. Pengerusi membuat kesimpulan dan rumusan pembetulan yang perlu dilakukan oleh calon berasaskan kepada laporan-laporan bertulis Pemeriksa dan menggugurkan perkara-perkara yang tidak berkaitan.
8. Pengerusi menjemput calon masuk dan memaklumkan pembetulan, pindaan dan tambahan seperti yang dipersetujui oleh panel keputusan viva voce dan tempoh masa yang diberikan.
9. Pengerusi memaklumkan keputusan Panel Pemeriksa kepada calon.
10. Laporan-laporan Pemeriksa, tesis yang diperiksa, catatan pengerusi dan catatan penyelia diserahkan kepada calon oleh setiausaha viva voce.
11. Pengerusi perlu memelihara hak-hak calon semasa viva voce.

Senat Ke-199 pada 15 Oktober 2009
Min. 2627[E][d] - Terma Rujukan Untuk Panel Pemeriksa *viva voce*

Ahli Panel	Peranan dan Tanggungjawab
Panel Secara Keseluruhan	<p>Sebelum <i>viva voce</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Meneliti laporan-laporan pemeriksa dan komen Penyelia dan Penyelia Bersama (jika berkaitan); ii) Mengambil keputusan untuk tidak menjalankan pemeriksaan <i>viva voce</i> jika tesis disyaki diplagiat; iii) Tidak dibenarkan menolak Laporan Pemeriksa. <p>Selepas <i>viva voce</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Membincangkan tentang perkara-perkara yang ditimbulkan semasa <i>viva voce</i> termasuk pekara-perkara yang dipersetujui dan yang tidak dipersetujui; ii) Membuat perakuan dan menentukan tempoh masa untuk membuat pembetulan. <p>Perakuan ini boleh berbeza dengan laporan Pemeriksa tesis.</p>
Pengerusi	<p>Sepanjang proses pemeriksaan <i>viva voce</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Menjalankan sesi <i>viva voce</i> dengan mematuhi Syarat dan Peraturan yang ditetapkan oleh USM (seperti Garis Panduan Proses <i>viva voce</i>); ii) Memastikan bahawa hak-hak calon dihormati. <p>Sebelum <i>viva voce</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan semua ahli Panel Pemeriksa hadir; ii) Mendapatkan rumusan tentang tesis daripada semua Pemeriksa; iii) Mengingatkan ahli Panel Pemeriksa tentang tanggungjawab masing-masing. <p>Semasa <i>viva voce</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan Syarat dan Peraturan proses <i>viva voce</i> dipatuhi; ii) Mengambil maklum pembetulan dan komen-komen yang perlu diambil kira untuk penambahbaikan tesis oleh semua Pemeriksa seperti yang dicatatkan oleh Penyelia dan Penyelia Bersama; iii) Pengerusi tidak boleh bertindak sebagai Pemeriksa dan hanya boleh mendapatkan penjelasan daripada pemeriksa dan calon. <p>Selepas <i>viva voce</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mendapatkan maklumbalas daripada Penyelia dan Penyelia Bersama tentang komitmen calon secara keseluruhan dan kemajuan calon sepanjang tempoh pencalonan; ii) Merumuskan pembetulan yang perlu dibuat selepas <i>viva voce</i>; iii) Menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat di kalangan ahli Panel Pemeriksa; iv) Memberi undi jika keputusan kesepakatan di antara Pemeriksa-Pemeriksa tesis dan Dekan/Pengarah PTJ tidak tercapai; v) Memaklumkan calon tentang keputusan <i>viva voce</i> dan juga semua pembetulan yang perlu dibuat; vi) Melapor kepada IPS jika tesis disyaki diplagiat; vii) Melapor kepada IPS jika terdapat laporan Pemeriksa Tesis yang kurang memuaskan.

Ahli Panel	Peranan dan Tanggungjawab
Pemeriksa	<p>Sebelum viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Membentangkan laporan Pemeriksa mengikut format yang ditetapkan oleh Universiti; ii) Memberi pandangan/pendapat tentang tesis. <p>Semasa viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memeriksa calon tentang pengetahuan beliau tentang subjek berkaitan topik-topik yang terdapat dalam tesis dan semua perkara yang ditulis di dalam tesis. <p>Selepas viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memberi pandangan tentang kemampuan calon menjawab soalan semasa viva voce; ii) Mengambil bahagian dalam proses menentukan perakuan
Dekan / Wakil Dekan	<p>Sepanjang proses viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bertindak bagi pihak Pemeriksa Luar jika Pemeriksa Luar tidak hadir. Pemeriksa Luar (tempatan) akan dijemput menghadiri viva voce. Pemeriksa Luar (antarabangsa) tidak dijemput dan perlu mengemukakan laporan komprehensif bersama naskhah tesis. <p>Semasa viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memeriksa calon tentang pengetahuan beliau dalam subjek berkaitan topik-topik yang terdapat dalam tesis dan semua perkara yang ditulis di dalam tesis; ii) Menyoal dan mendapatkan penjelasan daripada calon tentang perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Pemeriksa Luar sekiranya Pemeriksa Luar tidak hadir. <p>Selepas viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memberi pandangan tentang kemampuan calon menjawab soalan semasa viva voce; ii) Mengambil bahagian dalam proses menentukan perakuan sekiranya mewakili Pemeriksa Luar.
Penyelia dan Penyelia Bersama	<p>Sepanjang proses viva voce:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bertindak sebagai pemerhati dan tidak boleh mengambil bahagian atau membantu calon; ii) Mencatatkan segala pembetulan dan komen yang ditimbulkan oleh semua pemeriksa dalam borang IPS/Exam/05. <p>Sebelum viva voce</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tidak memberitahu calon tentang kandungan laporan Pemeriksa sebelum pemeriksaan <i>viva voce</i>; ii) Memberi maklum balas tentang komitmen calon secara keseluruhan dan kemajuan calon sepanjang tempoh pencalonan kepada Panel Pemeriksa.

Ahli Panel	Peranan dan Tanggungjawab
	<p>Selepas viva voce</p> <ul style="list-style-type: none">i) Memberi penjelasan tentang perkara-perkara yang ditimbulkan semasa sesi viva voce dan juga tentang perkara yang tidak dipersetujui kepada panel pemeriksa semasa sesi perbincangan;ii) Memastikan calon membuat segala pembetulan kepada tesis seperti yang dicadangkan oleh Panel Pemeriksa.
Penolong Pendaftar	<p>Sepanjang proses viva voce:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Menulis laporan tentang perjalanan, perbincangan dan keputusan viva voce dalam borang IPS/Exam/06 dan borang IPS/Exam/07. <p><i>Nota: Bagi kes viva voce penyerahan kali ketiga, seorang calon hanya boleh diberi lulus atau gagal (borang IPS/Exam/08)</i></p>

Senat ke-197 pada 18 Jun 2009

Min. 2641[B][v] - Kaedah Alternatif Pemeriksaan Tesis Doktor Falsafah [Mod Penyelidikan]

KAEDAH	DOKUMENTASI	MEKANISME PEMERIKSAAN	PEMERIKSA	PERINCIAN DOKUMENTASI	CATATAN
Tesis Sahaja	Tesis		1. Tesis diperiksa Mengikut peraturan oleh Pemeriksa yang sedia ada Luar dan Pemeriksa Dalam; dan 2. viva voce	50,000 hingga 80,000 perkataan (sehingga 300 muka surat)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksa Luar Tempatan perlu mengembalikan tesis bersama laporan. Perlu menghadiri viva voce; 2. Pemeriksa Luar Antarabangsa perlu mengembalikan tesis bersama laporan. Tidak perlu dijemput untuk viva voce; 3. Laporan komprehensif perlu disertakan oleh Pemeriksa Luar Antarabangsa jika calon diminta menyerah semula tesis atau gagal; dan 4. Galakkan persidangan video.
Tesis dan Penerbitan		1. Kandungan Tesis yang diintegrasikan daripada himpunan penerbitan yang diterbitkan; 2. Sekurang-kurang tiga penerbitan berwasit dalam senarai yang ditetapkan oleh PTJ*; dan 3. Bidang Sastera, satu penerbitan dalam jurnal berwasit dan dua penerbitan seperti yang tersenarai dalam senarai PTJ.	1. Dokumen diperiksa Panel Pemeriksa oleh seorang viva voce: Pemeriksa Luar - Pengerusi; dan seorang - Dekan/Wakil Dekan; Pemeriksa Dalam; - Seorang Pemeriksa Luar; 2. viva voce - Seorang Pemeriksa Dalam; dan - Penyelia /dan Penyelia Bersama.	25,000 hingga 40,000 perkataan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penerbitan dalam bentuk "Review" tidak boleh diterima. Dalam keadaan tertentu sekiranya PTJ mahu mempertimbangkan penerbitan dalam bentuk 'Review', PTJ perlu memberikan justifikasi yang kukuh; 2. Penerbitan perlu berkaitan dengan tesis yang diserahkan; 3. Hanya penerbitan yang dibuat semasa pencalonan boleh diterima; 4. Format tesis seperti yang sedia ada; 5. Hanya PTJ boleh menentukan sama ada seseorang calon boleh menggunakan kaedah ini melalui Panel Penilai Khas; dan 6. Perlu mendapatkan pengesahan MPSU.

* Senarai penerbitan yang diberikan oleh PTJ kepada IPS akan diguna pakai untuk syarat pengijazahan dan juga untuk penilaian tesis.

Senat Ke-199 15 Oktober 2009

Min. 2641[B][v] - Pelaksanaan Kaedah Alternatif Pemeriksaan Tesis Doktor Falsafah [Mod Penyelidikan]

1. Prosedur untuk Penyerahan: Penyerahan berlaku dalam dua tahap

1.1 Tahap Satu: Cadangan Penyerahan

Calon mestilah menyerahkan satu notis menyatakan niatnya untuk mengikuti penilaian Doktor Falsafah melalui Kaedah Tesis dan Penerbitan, menggunakan Borang IPS/Exam-01:T&P, enam bulan sebelum menyerahkan 10 salinan tesis berkenaan.

Prosedur bagi Penyerahan adalah seperti berikut:

- Calon mengisi borang IPS/Exam-01: T&P dan menyerahkannya kepada penyelianya untuk diperakukan;
- Penyelia memperakukan dan menyerahkan Borang IPS/Exam-01 itu kepada Penolong Pendaftar Pusat Pengajian/Pusat;
- Permohonan itu dibentangkan di Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat, yang akan melantik satu Jawatankuasa Penilaian Khas (JPK) untuk:
 - memutuskan tentang integriti permohonan berkenaan;
 - menilai karya-karya yang telah diterbitkan; dan
 - memutuskan tentang ketrampilan calon dari segi teknik-teknik yang diliputinya di dalam tesis berkenaan.
- Calon boleh diminta untuk membuat satu pembentangan bagi membuktikan bahawa kandungan hasil kerjanya telah membuat satu sumbangan yang boleh diterima oleh bidang yang berkaitan dan metodologinya tepat.
- Ahli-ahli dalam JPK terdiri daripada:-
 - i. Dekan (Pengerusi);
 - ii. Ahli-ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah Pusat Pengajian/Pusat;
 - iii. Penyelia;
 - iv. Dua ahli (dari dalam atau luar Pusat Pengajian/Pusat) yang dipilih oleh Majlis Pusat Pengajian/Pusat, yang merupakan pakar dalam bidang berkenaan.
- Sebaik sahaja diluluskan oleh JPK, permohonan itu akan diserahkan kepada MPSU untuk diperakukan berdasarkan kepada laporan dan sokongan yang dibuat oleh JPK.

1.2 Tahap Dua: Peperiksaan

- Seorang Pemeriksa Luar dan Seorang Pemeriksa Dalam;
- Panel Pemeriksa bagi viva voce termasuk:-
 - Pengerusi [Timbalan Naib-Canselor (Akademik dan Hal-Ehwal Antarabangsa)/Dekan IPS/Profesor];
 - Dekan Pusat Pengajian/Pusat atau wakilnya;
 - Pemeriksa Luar;
 - Pemeriksa Dalam;
 - Penyelia;
 - Penyelia Bersama;
 - Penolong Pendaftar.
- Panel tersebut juga sah diguna pakai bagi calon-calon yang merupakan staf USM;
- Calon juga boleh diminta untuk menyerahkan buku log penyelidikannya.

2. Garis Panduan tentang Dokumentasi

2.1 Tahap Satu: Penyerahan borang IPS/Exam-01: T&P kepada Jawatankuasa Khas Pusat Pengajian/Pusat mestilah disokong dengan dokumen-dokumen berikut:

- Ulasan Kritis bagi penyerahan kaedah ini;
- Penerbitan; Sekurang-kurangnya tiga penerbitan berwasit dalam senarai yang ditetapkan oleh PTJ*, dan untuk bidang sastera, satu penerbitan dalam jurnal berwasit dan dua penerbitan seperti yang disenaraikan dalam senarai PTJ.
- Dan
- Satu Kenyataan tentang Pengarang Bersama.

Tahap Dua: Dokumen terakhir yang hendak dihantar kepada Pemeriksa-pemeriksa mestilah mengandungi kesemua dokumen yang diperihalkan berikut, yang mesti dijilid bersama-sama.

- Tesis/Disertasi;
- Penerbitan; dan
- Kenyataan tentang Pengarang Bersama.

2.2 Ulasan Dokumentasi

a. Ulasan Kritis: Tahap Satu Sahaja

Satu kenyataan (1000 patah perkataan) menyatakan sokongan bagi penyerahan Doktor Falsafah melalui Kaedah Tesis dan Penerbitan. Kenyataan itu mestilah menunjukkan saling perhubungan antara penerbitan-penerbitan dan kerja penyelidikan yang dijalankan dan bagaimana ia menyumbang kepada bidang kajian berkenaan.

Justeru, kenyataan itu mestilah mengandungi/menunjukkan:-

- bahawa karya itu adalah kerja asli dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada ilmu pengetahuan;
- satu kronologi hasil kerja yang diterbitkan dan satu rumusan tentang setiap penerbitan yang diserahkan;
- satu sintesis hasil kerja itu seperti yang ditunjukkan dalam penerbitan-penerbitan yang diserahkan termasuk satu rangka kasar saling perhubungan di antara setiap penerbitan dan isi kandungan teks dalam tesis berkenaan; justeru, membentangkan keseluruhan dokumen itu sebagai satu keseluruhan yang bersepada; dan
- satu rangka kasar untuk menunjukkan bagaimana karya-karya penerbitan itu berintegrasi untuk menyumbang kepada bidang kajian yang berkenaan.

b. Tesis

Tesis yang akan diserahkan hendaklah mengandungi karya-karya yang diterbitkan dan satu teks yang mengandungi antara 25,000 hingga 40,000 patah perkataan. Teksnya mestilah menyepadukan koleksi karya yang telah diterbitkan dan yang belum (jika berkaitan), diasaskan kepada satu tema sama yang kukuh dan dikontekstualkan melalui penulisan naratif yang koheren, yang juga memberi satu penilaian kritis tentang penerbitan-penerbitan yang dikemukakan.

c. Penerbitan

Senarai Karya-karya yang Diterbitkan

Satu senarai karya-karya yang telah diterbitkan di dalam jurnal-jurnal yang telah dikenal pasti oleh Pusat Pengajian/Pusat mestilah diserahkan bersama-sama dengan Borang IPS/Exam-01: T&P. Dokumen-dokumen yang mesti diserahkan kepada JPK Pusat Pengajian/Pusat adalah:

- Kriteria bagi penerbitan adalah seperti berikut:
 - Karya diterbitkan yang terbuka kepada umum dan tidak termasuk penerbitan yang sirkulasinya terhad;
 - Penerbitan atau bukti penerimaan untuk diterbitkan (contohnya: "dalam percetakan");
 - Penerbitan mestilah berasaskan penyelidikan yang dijalankan semasa calon berdaftar dengan universiti;
 - Kertas ulasan dan kertas kerja/prosiding persidangan TIDAK boleh diterima; dan
 - Berasaskan senarai penerbitan untuk T & P Anugerah Doktor Falsafah, yang dibangunkan dan diperakukan oleh Majlis Pusat Pengajian/Pusat masing-masing;
- Penyerahan daripada Pusat Pengajian/Pusat berasas Sains dan Teknologi (lihat Senarai 1) mestilah mengandungi sekurang-kurangnya tiga artikel jurnal yang saling berkait dan telah diulas oleh rakan sekerja, tentang kerja-kerja yang calon tersebut memainkan peranan yang utama;
- Penyerahan daripada Pusat Pengajian/Pusat berasas Sastera (lihat Senarai 2) mestilah mengandungi sekurang-kurangnya satu artikel jurnal dan dua artikel utama yang saling berkaitan dengan kerja-kerja yang calon memainkan peranan yang utama;
- Satu komen tentang taraf jurnal dan penerimaan bahan-bahan penerbitan itu seperti yang ditunjukkan oleh petikan-petikan dan ulasan buku jika berkaitan; dan
- Satu perisyiharan bahawa bahan-bahan penerbitan itu belum pernah diserahkan sebelum ini sebagai sebahagian daripada sesuatu ijazah.

d. Kenyataan tentang Pengarang Bersama

- Calon mestilah mengenal pasti pengarang utamanya dan memerihalkan sepenuhnya sumbangannya sendiri dalam setiap penerbitan yang kemukakan. Sumbangan oleh calon mestilah dinilai mengikut inputnya dalam:
 - i. reka bentuk penyiasatan itu;
 - ii. pengendalian penyelidikan itu;
 - iii. analisis hasil kajian, dan
 - iv. penyediaan manuskrip untuk penerbitan.

Persetujuan sebulat suara mestilah diperoleh daripada kesemua pengarang bersama tentang sumbangan oleh calon dan kenyataan tersebut mestilah diperakukan oleh penyelia dan semua pengarang bersama.

3. Format Tesis

- Abstrak: Bahasa Malaysia dan Inggeris
- Pengenalan dan Ulasan Karya:
Bahagian ini seharusnya membentangkan karya yang telah diterbitkan itu dalam konteks hasil-hasil karya yang sedia ada dan seharusnya menilai sumbangan penyelidikan dalam penerbitan yang dikemukakan itu kepada usaha memajukan bidang penyelidikan berkenaan. Ia harus juga mengandungi pernyataan masalah dan objektif karya yang dikemukakan itu pada keseluruhannya.
- Bahan-bahan dan Kaedah Karya yang Diterbitkan dan yang Tidak Diterbitkan:
Salah satu daripada kerumitan yang dihadapi oleh Pemeriksa dalam proses menilai sesuatu penyerahan melalui kaedah ini ialah bahawa penerbitan-penerbitan yang dikemukakan mungkin tidak mengandungi perincian yang memadai untuk membolehkan satu penilaian kritis dilaksanakan. Justeru, bukti tentang kekuatan karya itu serta perincian tentang metodologi yang digunakan dalam pengendalian penyelidikan itu MESTI dibentangkan.
- Keputusan dan Perbincangan:
Karya tidak diterbitkan (jika berkaitan).
- Kesimpulan Bersepada:
Bab ini mesti memperkenalkan tujuan dan hipotesis setiap penerbitan dan seterusnya mengaitkan berasaskan tema, karya yang tidak diterbitkan dengan karya yang diterbitkan, sehingga menjadi satu karya keseluruhan yang padu, diikuti dengan satu perbincangan dan kesimpulan tentang karya berkenaan.
- Bibliografi
- Lampiran

Mesti mengandungi kesemua data mentah penyelidikan.

4. Peranan Penyelia

Seseorang calon Doktor Falsafah melalui Kaedah Tesis dan Penerbitan akan memerlukan sokongan Penyelia Utamanya semasa menulis tesis. Penyelia digalakkan untuk:

- membimbing calon tentang penerbitan untuk dimasukkan ke dalam penyerahannya;
- menasihati calon tentang penyediaan Ulasan Kritis dan Tesis; dan
- membimbing pelajarnya bagi memastikan kesepadan lojik isi kandungan karya.

5. Peperiksaan

5.1 Proses Peperiksaan

Akan ada seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar dan satu peperiksaan lisan wajib (*viva voce*) akan diadakan.

5.2 Peranan Pemeriksa

Pemeriksa terdiri daripada seorang Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam dan satu *viva voce* wajib. Tugas utama pemeriksa-pemeriksa adalah untuk:

- menilai kualiti hasil kerja yang terkandung dalam tesis dan penerbitan itu;
- mengesahkan bahawa teks dalam tesis itu bersepadan dengan penerbitan yang dikemukakan;
- menilai sumbangan tesis dan penerbitan itu kepada ilmu pengetahuan;
- menilai metodologi yang digunakan dalam penyelidikan itu;
- memastikan bahawa penerbitan itu boleh menepati lingkungan waktu dan dalam keupayaan kemudahan yang terdapat dalam tempoh pencalonan calon; dan
- menaksir sumbangan calon dalam kes hasil kerja berbilang pengarang.

Dalam hal ini, Senat juga bersetuju bahawa tesis yang diserahkan semula tapi gagal hendaklah mengikut peraturan tesis sahaja.

TAHAP SATU: CADANGAN PENYERAHAN

Calon mengisi borang IPS/Exam-01 T&P

Dokumentasi
1. Ulasan kritis bagi penyerahan kaedah ini
2. Penerbitan yang berkaitan
3. Kenyataan tentang Pengarang bersama

Penyelia

Untuk pengesahan

Penolong Pendaftar

Penolong Pendaftar di PTJ

Majlis PTJ

Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Khas

Ahli-ahli dalam JPK terdiri daripada:
1. Dekan / Pengerusi
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pengajian
Siswazah Pusat Pengajian / Pusat
3. Penyelia
4. Dua ahli (dari dalam atau luar Pusat Pengajian/Pusat)
yang dipilih oleh Majlis Pusat Pengajian / Pusat, yang merupakan pakar dalam bidang berkenaan.

Penilaian dan Perakuan kepada IPS

MPSU

Untuk kelulusan

TAHAP DUA: PEPERIKSAAN

Pelantikan seorang Pemeriksa Dalam
dan seorang Pemeriksa Luar
(sama untuk staf USM)

Dokumentasi
1. Tesis
2. Penerbitan
3. Kenyataan tentang Pengarang Bersama

Pemeriksaan Tesis

Panel Pemeriksa untuk *viva voce*
1. Pengerusi /Timbalan Naib-Canselor
(Akademik dan Hal-Ehwal
Antarabangsa) /Dekan IPS/Profesor
2. Dekan Pusat Pengajian/Pusat atau wakilnya
3. Pemeriksa Luar
4. Pemeriksa Dalam
5. Penyelia
6. Penyelia Bersama
7. Penolong Pendaftar

viva voce

1. Procedure for Submission: Submission occurs in two stages 1.1 Stage One: Intention of Submission

The candidate must submit a notice of intention for evaluation of the Doctor of Philosophy by Thesis and Publication Route, using the IPS/Exam-01:T&P Form, 6 months before the submission of the 10 copies of the thesis. Only the School/Centre can determine whether a candidate is able to use this method through a Special Panel of Assessors.

Procedure for Submission is as follows:

- Candidate fills up Form IPS/Exam-01:T&P and submits to his supervisor for endorsement;
- Supervisor endorses and submits Form IPS/Exam-01:T&P to the School/Centre's Assistant Registrar;
- The application is presented at the School/Centre's Board which will select a Special Evaluation Committee (SEC) to:
 - decide on the integrity of the application;
 - evaluate the published works; and
 - decide on the competence of the candidate in terms of the techniques covered in the thesis.
 - The candidate may be requested to make a presentation to prove that the body of work has an acceptable contribution to the field and that the methodologies are appropriate.
- The members of the SEC are
 - i) Dean (Chairperson);
 - ii) Members of the School/Centre's Postgraduate Studies Committee;
 - iii) Supervisor;
 - iv) Two members (within or outside the School/Centre) elected by the School/Centre's Board who are experts in the field.
- Upon approval by the SEC, the application will be submitted to the MPSU for endorsement based on the report and recommendations by the SEC.

1.2 Stage Two: The Examination

- One External Examiner and One Internal Examiner;
- Panel of Examiners for Viva Voce that includes:
 - Chairman [Deputy Vice-Chancellor(Academic and International Affairs)/Dean of IPS/Professor];
 - Dean of School/Centre or representative;
 - External Examiner;
 - Internal Examiner;
 - Supervisor;
 - Co-Supervisor;
 - Assistant Registrar.
- The panel is also valid for candidates who are staff of USM;
- The candidate can be required to present his/her research log book.

2. Guidelines on Documentation

2.1 Stage One: Submission of the Form IPS/Exam-01:T&P to the School/Centre Special Evaluation Committee must be supported with the following documents:

- Critical Review for the submission by this route;
- Publications
 - At least three referred publications in listed journals as determined by the respective schools/centres of study; and for the Arts Field, one publication in a referred journal and two publications as listed by the respective schools/centre of study.
and

- A Statement about Joint Authorship.

Stage Two: The final document which is to be sent to the Examiners must contain all the documents described below which are to be bound together.

- Thesis/Dissertation;
- Publications; and
- A Statement about Joint Authorship.

2.2 Description of Documentation

a. Critical Review: Stage One Only

A statement (1000 words) presenting the case for the submission of a Doctor of Philosophy by Thesis and Publication Route. The statement must demonstrate the interrelationship between the publications and the research work carried out and how it contributes to the field of study. Thus the statement must contain/demonstrate:

- that the work is original and has significant contribution to knowledge;
- a chronology of the published works and a summary of each publication submitted;
- a synthesis of the work as demonstrated in the publications including an outline of the interrelationship between each publication and the body of text in the thesis; thus presenting the entire document as an integrated whole); and
- an outline to show how the published works integrate to contribute to the given research area.

b. Thesis

The thesis to be submitted consists of published works and a text comprising of between 25,000 to 40,000 words. The text must integrate the collection of published and unpublished works (if relevant) based on a strong common theme and contextualised by a coherent narrative which also critically appraises the publications submitted.

c. Publications

List of Published Works

A list of published works in journals as identified by the School/Centre must be submitted together with FormIPS/Exam-01:T&P. Documents to be submitted to the School/Centre SEC are

- The criteria for publications are as follows:
 - Published work that are in public domain and does not include publications with restricted circulation;
 - Publications or proof of acceptance for publication (e.g. "in press");
 - Publications must be based on research carried out whilst the candidate is registered with the university;
 - Reviews and conference papers/proceedings are NOT acceptable; and
 - Based on a Publication List for T & P Doctor of Philosophy Award, which is developed and endorsed by the respective School/Centre's Board;
- Submissions from the Science and Technology based Schools/Centres (see List 1) must contain at least 3 interrelated peer reviewed journal articles on works carried out principally by the candidate;
- Submissions from the Arts based Schools/Centres (see List 2) must contain at least 1 peer reviewed journal article and 2 major articles which are interconnected on works carried out principally by the candidate;

- A comment on the standing of the journals and the reception of the publications as indicated by citations and book reviews if relevant; and
- An undertaking that the publications have not been submitted previously as part of a degree.

d. A Statement about Joint Authorship

- The candidate must identify the principal authors and describe fully his/her own contribution in each publication submitted. The contribution by the candidate can be assessed by his/her input in the:
 - i) design of the investigation;
 - ii) conduct of the research;
 - iii) analysis of the outcome; and
 - iv) preparation of the manuscript for the publication.

There must be unanimous agreement amongst all co-authors regarding the contributions by the candidate and the statement must be endorsed by the supervisor and all the co-authors.

3. Format of Thesis

- Abstract: Bahasa Malaysia and English
- Introduction and Literature Review:
This section should present the published work in the context of the existing literature and should evaluate the contribution of the research in the submitted publications made to the advancement of the research area. It should also contain the problem statement and objectives of the submitted work as a whole.
- Materials and Methods of Published and Unpublished Work:
One of the difficulties faced by Examiners in evaluating a submission by this route is that the publications may not contain sufficient detail for a critical appraisal to be made. Thus, evidence on the robustness of the work and details of the methodology employed in conducting the research MUST be presented.
- Results and Discussion:
Unpublished Work (if relevant)
- Integrated Conclusion:
This chapter must introduce the aims and hypothesis of each publication and then thematically links the unpublished work with the published work into a cohesive body of work, followed by a discussion and conclusion of the work.
- Bibliography
- Appendix:
Must contain all raw research data.

4. Role of Supervisor

A candidate for a Doctor of Philosophy by Thesis and Publication Route will require the support of his/her Main Supervisor in writing the thesis. The supervisor is encouraged to

- guide the candidate on the publications for inclusion in the submission;
- advise the candidate on the preparation of the Critical Review and Thesis; and
- guide the candidate to ensure coherence of the body of work.

5. Examination

5.1 Examination Process

There will be one Internal and one External Examiner and there is a compulsory oral examination (viva voce).

5.2 Role of Examiners

The number of examiners is one External Examiner and one Internal Examiner and there is a compulsory viva voce. The Examiners' main tasks are to

- evaluate the quality of the work embodied in the thesis and publication;*
- establish that the text in the thesis is integrated with the publications presented;*
- assess the contribution to knowledge of the thesis and publications;*
- evaluate the methodology by which the research was conducted;*
- ensure that the publications are within the timeframe and facilities available of the candidature period; and*
- assess the candidate's contribution in the case of multiauthored works.*

The Senate has also agreed that the current thesis submission regulations apply in the event that a candidate fails to satisfy the examiners.

Senat ke-197 pada 18 Jun 2009

Min. 2641[B][vi] - Pemurnian Syarat Pelantikan Pengerusi Panel Pemeriksa Tesis Di Kalangan Staf Akademik Yang Bertaraf Profesor Madya

Senat mengambil perhatian bahawa MPSU dalam mesyuarat Ke-219-nya dan Senat Ke-171 telah meluluskan peraturan pelantikan Staf Akademik yang bertaraf Profesor Madya boleh dilantik mempengerusikan Panel Pemeriksa Tesis bagi calon-calon Sarjana sekiranya memenuhi syarat berikut:

- Memiliki Doktor Falsafah, kelayakan profesional atau setaraf dengannya;
- Pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun sebagai Profesor Madya;
- Mempunyai pengalaman yang luas dalam penyeliaan pelajar pengajian siswazah; dan
- Mempunyai pengalaman yang luas dalam pemeriksaan tesis pengajian siswazah.

Dalam hal ini, MPSU berpendapat bahawa seseorang Staf Akademik yang dilantik sebagai Profesor Madya seharusnya telah melalui syarat dan tapisan yang ketat seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti dan sewajarnya layak untuk dilantik mempengerusikan Panel Pemeriksa Tesis peringkat Sarjana.

Senat bersetuju meluluskan Staf Akademik bertaraf Profesor Madya dilantik bagi mempengerusikan Panel Pemeriksa Tesis peringkat Sarjana seperti yang diperakukan oleh MPSU.

MPSU ke-247 pada 4 Mac 2009

Min. 2747[A][ii][A] - Pemantauan kemajuan calon-calon penyelidikan melalui laporan kemajuan yang perlu disertakan semasa pembaharuan pendaftaran

Setiap penyelia dan calon-calon penyelidikan perlu mengisi serta mengemas kini laporan kemajuan mereka melalui versi masing-masing setiap 2 kali setahun, iaitu pada bulan Jun dan Disember bagi semester berkenaan melalui portal Kampus Sejahtera.

Majlis dimaklumkan terdapat calon-calon penyelidikan yang bermasalah dan tidak pernah berjumpa dengan penyelia, serta tidak mengisi laporan kemajuan masing-masing.

JPPS bersetuju supaya calon-calon penyelidikan menyertakan laporan kemajuan mereka yang telah ditandatangani oleh penyelia sebagai bukti semasa pembaharuan pendaftaran bagi memastikan pelajar-pelajar bermasalah sentiasa berhubungan dengan penyelia masing-masing.

Majlis dimaklumkan JPPS bersetuju dengan cadangan IPS untuk mengemukakan calon-calon siswazah yang mendapat status kemajuan keseluruhan sebanyak 4 (*unsatisfactory*) dan 5 (*poor*) dan tahap penyelidikan semasa 9 (*unknown*) kepada Timbalan Dekan Pengajian Siswazah di PTJ untuk tindakan. Peranan IPS adalah lebih tertumpu sebagai moderator bagi kes-kes khas yang tidak dapat diselesaikan di peringkat PTJ. Amalan sekarang iaitu Timbalan Dekan, IPS memantau laporan kemajuan calon dan ianya adalah tidak begitu relevan.

Setelah berbincang Majlis bersetuju menambah baik proses kerja pemantauan kualiti calon-calon Sarjana dan Doktor Falsafah.

Senat ke-197 pada 18 Jun 2009

Min. 2641[B][i] - Min. 2762- Laporan Jawatankuasa

Menggubal Dasar Plagiat Universiti Sains Malaysia

Senat mengambil perhatian bahawa Jawatankuasa Menggubal Dasar Plagiat USM telah mencadangkan satu dasar berkaitan plagiat untuk dilaksanakan di USM bagi memastikan kualiti akademik dan kewibawaan Universiti terus terpelihara. MPSU pada mesyuaratnya Ke-248 telah memperakarkan dasar berkaitan plagiat untuk dilaksanakan di USM.

Senat mengambil perhatian terhadap laporan lengkap cadangan Jawatankuasa ini seperti yang dibentangkan.

Seterusnya, Senat bersetuju secara prinsip dasar berkaitan dengan plagiat untuk dilaksanakan di USM. Walau bagaimanapun cadangan ini perlu diperhalusi dari aspek perundungan dengan mengambil kira peruntukan AUKU baru dan implikasinya serta dasar ini perlulah merangkumi pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Tinggi. Timbalan Naib Canselor [Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa], Timbalan Naib Canselor [Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar] dan Pendaftar diminta menyelaraskan hal ini sebelum dimuktamadkan.

JPPS KE-38 pada 27 Mei 2009

Min. 7[i][c] - Jawatankuasa Pemilihan

Jawatankuasa bersetuju supaya setiap PTJ melantik Jawatankuasa Pemilihan USM Fellowship bagi memastikan ketelusan dan penyelarasan proses pengambilan.

Jawatankuasa tersebut perlulah terdiri sekurang-kurangnya daripada

- i. Dekan sebagai Pengerusi (atau diwakilkan kepada Timbalan Dekan (Siswazah) Pusat Pengajian/Pusat;
- ii. Timbalan Dekan (Siswazah);
- iii. Timbalan Dekan (Akademik); dan
- iv. Tiga orang ahli yang dilantik oleh Majlis Pusat Pengajian/Pusat;

Penyelia utama calon berkenaan perlu dijemput bagi memberikan maklum balas terhadap prestasi calon semasa temu duga dijalankan.



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES

Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Penang, Malaysia.
email: dean_ips@notes.usm.my
www.ips.usm.my

PUBLICATION DATE: FEBRUARY 2010;
V2 NOVEMBER 2014